

30/01/2004

Nekmat tuntutan nikmat pemasaran ikan

WAK tertarik dengan gesaan Pengerusi Persatuan Nelayan kebangsaan (Nekmat), Jusoh Awang, yang berharap Kementerian Pertanian dan Persatuan Nelayan mengambil alih pemasaran tangkapan ikan bagi meningkatkan taraf hidup nelayan.

Wak sokong penuh cadangan itu, tetapi seingat Wak ia adalah isu lama yang diulang semula. Biasalah, bak kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, "Melayu mudah lupa".

Justeru, harapan Jusoh itu sebenarnya bermatlamat mengingatkan kembali apa yang pernah diperjuangkan Nekmat sebelum ini tetapi belum menjadi realiti sehinggalah hari ini. Isu pemasaran ikan sudah lama diperkatakan, terutamanya pembabitan orang tengah yang mengaut keuntungan berlipat ganda hasil penat lelah nelayan menangkap ikan di laut.

Seingat Wak, persatuan nelayan di seluruh negara pernah `diberi mandat` untuk menjadi orang tengah bagi memasarkan hasil tangkapan nelayan. Justeru banyaklah infrastruktur dibina kerajaan termasuk peti sejuk beku bagi menyimpan hasil tangkapan supaya ikan yang ditangkap nelayan tidak busuk dan boleh dipasarkan.

Matlamatnya (waktu itu) ialah bagi mengurangkan pembabitan langsung orang tengah atau peraih yang mengaut keuntungan berlipat ganda hasil titik peluh nelayan. Pun begitu, entah di mana silapnya, matlamat menjadikan persatuan nelayan sebagai wakil pemasaran hasil tangkapan nelayan, gagal mencapai matlamat yang disasarkan. Wak tak tahu di mana silapnya. Wak ada juga pergi ke beberapa persatuan nelayan dan melihat sendiri peti sejuk beku berharga ratusan ribu ringgit, terbengkalai tidak diisi di belakang pejabat.

Kekadang tu Wak rasa sayang kerana pembaziran membuat sesuatu projek yang gagal mencapai matlamatnya.

Hakikat bahawa penguasaan orang tengah masih berleluasa sehingga kini, tidak boleh dinafikan. Persatuan nelayan sendiri yang disokong penuh kerajaan, gagal mengatasi sindrom orang tengah sehingga kini. Justeru sampai bila ini akan berlaku? Tepuk dada, tanya kemahuan!

Harapan Wak, Nekmat akan terus memperjuangkan nasib nelayan selain meningkatkan taraf hidup mereka. Cara bagaimana untuk melaksanakannya, Wak rasa Jusoh lebih arif mengenainya. Selain itu, komitmen daripada Kementerian Pertanian, terutamanya Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, pastinya akan terus dituntut Nekmat. Wak harap, Pak Menteri yang terkenal dengan idea pembangunannya, akan terus komited bagi menjaga nasib nelayan seluruh negara.